

## Pembinaan bangsa Malaysia (1): Kajian empirikal tahap patriotisme belia

Tuan Pah Rokiah Syed Hussain<sup>1</sup>, Shamsul Anuar Nasarah<sup>1</sup>, Zaheruddin Othman<sup>1</sup>

<sup>1</sup>School of Government, College of Law, Government and International Studies, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

Correspondence: Tuan Pah Rokiah Syed Hussain (email: sh.rokiah@uum.edu.my)

### Abstrak

Tahap patriotisme dalam kalangan belia di Malaysia pada masa kini dikatakan masih rendah berdasarkan pelbagai kejadian semasa, malah amat sukar untuk meletakkan tahap yang sebenarnya secara saintifik atau ilmiah disebabkan tiada bukti konkret. Objektif kajian ini adalah menentukan tahap patriotisme belia di Malaysia berdasarkan aspek kefahaman terhadap sistem pentadbiran negara, kebanggaan menjadi rakyat Malaysia, perasaan sayang kepada Malaysia, perasaan kekitaan atau memiliki terhadap negara, kesetiaan kepada negara, berdisiplin atau adab baik demi nama baik negara serta peningkatan produktiviti demi negara. Sebanyak 1500 sampel diambil dalam kalangan belia berumur antara 15 hingga 30. Analisis deskriptif dilakukan ke atas data daripada borang kaji selidik. Hasil kajian menunjukkan tahap patriotisme belia di Malaysia dalam kategori tinggi adalah sebanyak 73 peratus dengan nilai min sebanyak 7.26. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini adalah berbeza dengan hujah yang mengaitkan belia tidak patriotik berdasarkan pelbagai peristiwa berlaku di Malaysia. Kajian ini mencadangkan agar usaha kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (Belia) pada masa kini wajar diteruskan kerana ia dapat membentuk belia atau masyarakat yang berpatriotik.

**Katakunci:** belia, indikator patriotisme, nasionalisme, pembinaan bangsa, polisi belia, tahap patriotisme

## Malaysia's nation building (1): An empirical study of youth patriotism

### Abstract

A citizenry's patriotism may be gauged from variables such as their knowledge of the nation's administration system, pride in being citizens of the country, sense of belonging and loyalty to the country, upholding of the country's good reputation through proper conduct, and willingness to enhance the country's economic productivity. This study examined the patriotism level of Malaysian youths based on these indicators of patriotism. Primary data were gathered from a field survey of 1,500 randomly sampled Malaysian youths aged 15 to 30. Data analysis showed that the prevailing level of the youth patriotism was high at 73 percent with a mean of 7.26. Still, there was room for improvement and this could be found within the ambit of the country's formal and informal education system designed to enhance all those patriotic values.

**Keywords:** indicators of patriotism, level of patriotism, nationalism, nation building, youth, youth policy